

Rolls-Royce, NTU labur \$88j bagi fasa ke-2 Makmal Korporat

Jul 19, 2019 | 05:30 AM

SHAHIDA SARHID (/authors/shahida-sarhid)



SYARIKAT Rolls-Royce dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) telah melanjutkan perkongsian penyelidikan dengan satu suntikan pelaburan bernilai \$88 juta bagi fasa kedua Makmal Korporat pertama negara.

Fasa kedua Makmal Korporat yang dikenali sebagai Rolls-Royce@ NTU Corp Lab itu telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Heng Swee Keat, di NTU semalam.

Diperkenalkan pada 2013, Makmal Korporat itu ditubuhkan bersama oleh NTU, Rolls-Royce dan Yayasan Penyelidikan Nasional (NRF) - makmal korporat pertama yang disokong di bawah perkongsian penyelidikan dan pembangunan (R&D) awam-swasta antara pihak universiti dan

syarikat.

Dalam fasa pertama yang berlangsung selama lima tahun, sebanyak 53 projek penyelidikan telah diuruskan berkaitan industri ruang angkasa.

Ini termasuk dalam bidang elektronik kuasa, analitik data, teknologi pengilangan dan membaiki.

Menyusuli kejayaan fasa pertama, Makmal Korporat itu kini berpindah ke fasa kedua pula di mana 29 projek baru akan memberi tumpuan kepada membangunkan teknologi seperti mewujudkan pesawat elektrik hibrid.

Projek lain termasuk membangunkan sistem penyimpanan kuasa dan tenaga, huraian kecerdasan buatan (AI) komprehensif, Internet-of-Things (IoT) serta lanjutan kepada teknologi pengilangan dan membaiki.

Dalam ucapannya, Encik Heng, yang juga Menteri Kewangan, melahirkan rasa gembira bahawa meskipun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang, pelaburan terhadap penyelidikan dan inovasi masih terus kukuh.

"Pelaburan penyelidikan bersama bernilai \$88 juta oleh NTU, Rolls-Royce dan pemerintah bagi fasa kedua Makmal Korporat ini merupakan contoh komitmen kita untuk memberi tumpuan membangun untuk jangka masa panjang.

"Ini akan memberi kita peluang memanfaatkan peluang di sekitar kita sedang kita menangani cabaran jangka masa pendek ekoran iklim ekonomi sekarang," katanya.

Beliau menambah dengan jumlah trafik udara dunia yang dijangka berganda kepada 8.2 bilion penumpang - dengan separuh daripadanya daripada Asia-Pasifik - dalam masa dua dekad akan datang, cabarannya ialah untuk memenuhi pertumbuhan ini dengan cara kemampuan.

Dalam pada itu, beliau turut menyambut baik usaha negara mempunyai 14 makmal korporat sekarang dengan lebih \$800 juta dalam pelaburan bersama.

Sejauh ini, makmal korporat telah melatih lebih 1,000 penyelidik dan membangunkan jumlah bakat yang kukuh untuk menyokong syarikat yang berintensif teknologi.

Sementara itu, Presiden NTU, Profesor Subra Suresh, turut menyambut baik lanjutan makmal korporat itu ke fasa kedua.

"Rolls-Royce@NTU (<mailto:Rolls-Royce@NTU>) Corp Lab merupakan satu demonstrasi baik bagaimana saintis NTU boleh bekerjasama dengan industri untuk membangunkan huraian relevan bagi memenuhi isu semasa," katanya.